



PELAN OPERASI LATIHAN

INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL
(IKLIN)

TAHUN 2011

Disediakan Oleh
BAHAGIAN PEMBANGUNAN LATIHAN
INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL
(IKLIN)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
(JABATAN PERDANA MENTERI)

KANDUNGAN

<i>BIL</i>	<i>PERKARA</i>	<i>M/SURAT</i>
1.	<i>Latarbelakang/ Visi/ Misi / Objektif IKLIN</i>	3
2.	<i>Fungsi IKLIN Bahagian Pengurusan Bahagian Kajian Bahagian Pembangunan Latihan</i>	4
3.	<i>Strategi Latihan dan Sasaran Strategi</i>	10
4.	<i>Pelaksanaan Latihan</i>	10
5.	<i>Perancangan Latihan</i>	13
6.	<i>Bajet Latihan</i>	13
7.	<i>Lampiran A LAPORAN ANALISA KEPERLUAN LATIHAN IKLIN 2011</i>	
8.	<i>Lampiran B Pelan Perancangan Kursus</i>	

PELAN OPERASI LATIHAN
INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL
(IKLIN)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
TAHUN 2011

1. LATAR BELAKANG IKLIN

1.1 Penubuhan IKLIN telahpun dipersetujui dan diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 15 Disember 2004 dengan geran pelancaran permulaan berjumlah RM 2 juta.

1.2 Fungsi utama IKLIN ditubuhkan antaranya adalah untuk menjalankan kajian/penyelidikan dan latihan dalam bidang Perpaduan dan Integrasi Nasional, disamping menjadi pusat penyaluran ilmu pengetahuan yang unggul. Pada masa yang sama, IKLIN berperanan untuk melahirkan pengamal sosial yang berwibawa di kalangan pegawai dan kakitangan JPNIN serta pemimpin Rukun Tetangga di semua peringkat.

1.3 Sebagai langkah awal, struktur organisasi, skop tanggungjawab serta kaedah pelaksanaan program latihan bagi IKLIN telah digariskan untuk menjadikannya lebih efisien dan berkesan. Dalam kerangka, pentadbiran IKLIN akan menumpukan kepada fungsi berikut melalui bahagian:

Bahagian-bahagian tersebut ialah:-

- (i) *Bahagian Pengurusan;*
- (ii) *Bahagian Kajian;*
- (iii) *Bahagian Pembangunan Latihan.*

2. VISI

Menjadi Tumpuan Dalam Bidang Pengurusan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Untuk Bangsa Malaysia Tercinta.

3. MISI

Untuk menggalakkan perkongsian ilmu pengetahuan, idea, latihan, kajian dan penyelidikan serta konsep pembelajaran sepanjang hayat bagi memajukan ilmu dan pendidikan dalam bidang Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

4. OBJEKTIF IKLIN

- 4.1 Melatih pegawai dan kakitangan Jabatan serta pemimpin masyarakat (Rukun Tetangga) agar matang dalam bidang Perpaduan dan Integrasi Nasional.
- 4.2 Meneroka bidang ilmu serta mengumpul dan menghasilkan bahan penulisan yang berkaitan dengan kaum dan etnik di dalam bidang perpaduan dan integrasi nasional.
- 4.3 Mengembangkan Ilmu tentang perpaduan dan integrasi Negara ke peringkat Antarabangsa.
- 4.4 Melaksanakan kajian dan penyelidikan dalam bidang Perpaduan dan Integrasi Nasional serta mengumpul bahan sejarah Pembentukan Negara.
- 4.5 Merangka dasar dan halatuju Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

5. FUNGSI

Bagi mencapai Visi, Misi dan Objektif tersebut, Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional melaksanakan fungsi-fungsi berikut.

5.1 Bahagian Pengurusan

- Bahagian Pengurusan IKLIN adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan pengurusan di IKLIN termasuklah aktiviti pentadbiran, kewangan, perkhidmatan serta teknologi maklumat.
- Bahagian ini memberi sokongan kepada bahagian-bahagian lain dalam melancarkan semua aktiviti yang akan dan telah dilaksanakan.

- Mengendalikan urusan pelbagai harian pentadbiran am sistem surat menyurat, sistem fail, perkhidmatan personel dan ruang pejabat, mengurus logistik, domestik dan penyelenggaraan.
- Merancang dan mengurus, menyelaraskan dan memantau perbelanjaan mengurus dan pembangunan, akaun dan kewangan.
- Merancang keperluan Sumber Manusia.
- Menyediakan khidmat sokongan teknikal dan rundingan kepada semua perkakasan dan perisian semasa bagi Institut sama ada untuk kegunaan latihan, operasi dan pentadbiran.

5.2 Bahagian Kajian

Bahagian Penyelarasan Kajian dan Maklumat Penyelidikan merupakan satu bahagian yang menjalankan tugas seperti berikut:

- Membantu Jabatan dan kerajaan dalam merangka dasar-dasar berkaitan dengan isu-isu perpaduan dan integrasi nasional
- Membantu menjalankan aktiviti penilaian dalam mengendalikan latihan kepada pegawai-pegawai JPNIN, AJK Rukun Tetangga, Guru-guru Tabika, Pegawai-pegawai yang berlainan serta NGO dalam konteks mempromosikan perpaduan dan integrasi nasional.
- Menghasilkan laporan kajian yang boleh digunakan sebagai sumber rujukan oleh pelbagai pihak.
- Merangka dan mencadangkan amalan untuk meningkatkan hubungan etnik di Malaysia dan seterusnya di peringkat dunia.
- Mewujudkan jaring pakar diseluruh negara dan seterusnya di peringkat dunia.
- Menghasilkan 'National Unity Impact Assessment' dan 'Social Indicator'.
- Menjadi urusetia dalam mesyuarat institusi yang berkaitan dengan bidang perpaduan dan integrasi dan menjurus kepada keperluan kursus/latihan jabatan.

- Membuat pengumpulan data dan maklumat serta menganalisis kursus/latihan dalam bidang perpaduan dan integrasi nasional sebagai bahan rujukan untuk kajian-kajian tertentu oleh jabatan.
- Menyediakan kertas/laporan hasil kajian untuk menentukan dasar, strategi program/aktiviti untuk dilaksanakan oleh jabatan.
- Mengadakan jaringan/hubungan dengan Institusi Pengajian Tinggi, agensi-agensi lain, swasta dan NGO dalam aspek kajian dan urusan lain yang berkaitan dengan perpaduan negara dan integrasi nasional.

5.3 Bahagian Pembangunan Latihan.

Bahagian Pembangunan Latihan adalah salah satu bahagian yang amat penting dalam memberi latihan kepada semua kumpulan sasar Jabatan. Bahagian ini beroperasi mengikut tiga unit latihan iaitu Unit Latihan Kepegawaian, Unit Latihan Tabika Perpaduan dan Unit Latihan Rukun Tetangga & NGO. Setiap Unit mempunyai kumpulan sasar yang berbeza mengikut objektif kursus/latihan yang dilaksanakan.

i. Unit Latihan Kepegawaian

Unit Latihan Kepegawaian merupakan unit latihan yang memberi latihan/kursus khusus kepada para pegawai dan kakitangan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dalam membentuk semua pegawai dan kakitangan jabatan yang berilmu pengetahuan.

Semua pegawai dan kakitangan akan dilatih dalam pelbagai aspek supaya Jabatan menjadi sebuah agensi kerajaan yang unggul dalam melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, berwawasan dan berdaya saing.

Unit ini juga akan berfungsi untuk merancang dan menguruskan pelaksanaan kursus disamping membuat analisa impak ke atas setiap program latihan yang dijalankan.

ii. Unit Latihan Tabika Perpaduan

Unit Latihan Tabika Perpaduan adalah unit yang memberi latihan/kursus kepada semua guru dan penolong guru Tabika Perpaduan dalam membimbing kanak-kanak. Ia tertumpu kepada aspek merancang, melaksana, menyelaraskan dan memantau setiap kursus/latihan yang melibatkan kumpulan Guru dan penolong guru Tabika Perpaduan di Jabatan Perpaduan Neagra dan Integrasi Nasional.

Program Tabika Perpaduan (Taman Bimbingan Kanak-kanak) diperkenalkan pada tahun 1976 di bawah Rancangan Perhubungan Masyarakat. Pada ketika itu sebanyak 225 buah kelas telah ditubuhkan sebagai projek printis. Tabika Perpaduan diwujudkan dibandar dan pinggir bandar khususnya di taman-taman perumahan yang diliputi Kawasan Rukun Tetangga. Sehingga Disember 2010 sebanyak 1643 Tabika Perpaduan yang terdapat di seluruh negara.

iii. Unit Latihan Rukun Tetangga & NGO

Unit Latihan Rukun Tetangga adalah sebuah unit latihan yang memberi latihan kepada semua ahli Rukun Tetangga dan NGO bagi melatih dalam aspek pembangunan komuniti selaras dengan usaha kerajaan mengatasi masalah-masalah sosial dikalangan masyarakat tempatan serta aktiviti berkonsepkan 'pendidikan sepanjang hayat'.

Unit ini juga akan melaksanakan fungsi untuk merancang, melaksanakan, menyelaraskan serta memantau semua kursus/latihan yang berkaitan dengan kumpulan sasaran termasuk cawangan Jiran Wanita, Jiran Muda dan Jiran Usia Emas yang akan dilaksanakan di peringkat kebangsaan, zon ataupun negeri mengikut keperluan.

Bidang latihan yang sesuai akan disusun dan diselenggarakan bagi membolehkan pemimpin-pemimpin diperingkat akar umbi menambahkan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang-bidang seperti Pengurusan Rukun Tetangga, Kepimpinan Dalam Komuniti, Asas Pengurusan Konflik dan mediasi, Asas Kaunseling dalam Komuniti, Kemahiran Komunikasi, pengurusan aktiviti Rukun Tetangga serta lain-lain bidang yang bersesuaian.

Rukun Tetangga adalah satu Jawatan kuasa sukarela di bawah pengawasan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana menteri. Penubuhannya diutamakan di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Pemastautin-pemastautin yang menggagotai Jawatakuasa Rukun Tetangga merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan komuniti ke arah mengeratkan lagi hubungan diantara rakyat dan kerajaan.

Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan bertujuan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang berdikari, berbudaya maju serta mewujudkan suasana harmoni dan perpaduan dikalangan penduduk sejiran.

Sehingga Disember 2010 terdapat sebanyak 5008 Kawasan Rukun Tetangga dan 1643 Skim Rondaan Sukarela di seluruh negara yang memerlukan bimbingan dan latihan berterusan.

6. STRATEGI LATIHAN

- 6.1 Perancangan Pelan Operasi Latihan di Bahagian Pembangunan Latihan, IKLIN adalah berdasarkan kepada strategi-strategi yang digariskan dalam *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005* iaitu:
- (i) *Penyediaan peruntukan tahunan sebanyak sekurang-kurangnya (1%) daripada peruntukan emolumen untuk tujuan latihan.*
 - (ii) *Memastikan pegawai dan kakitangan di semua peringkat mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun.*
- 6.1 Disamping itu strategi latihan IKLIN juga untuk memberi perubahan positif ke arah budaya kerja cemerlang, berilmu dan berkemahiran.
- 6.2 Melahirkan masyarakat yang menghayati budaya hidup yang lebih positif dan mengamalkan nilai-nilai murni kehidupan.
- 6.3 Penyelesaian isu dan pengurusan konflik sosial yang berkesan.
- 6.4 Mengujudkan sistem jaringan perhubungan sosial (social networking) dan sistem penyampaian yang lebih berkesan.
- 6.5 Mengukur pencapaian dan pematuhan kepada 'Star Rating', NKRA dan KPI.

7. SASARAN STRATEGI

- 7.1 Melengkapkan pegawai, kakitangan, guru dan penolong guru serta AJKRT dengan pengetahuan, kemahiran dan personaliti yang sentiasa positif dan cemerlang.
- 7.2 Mempunyai kesedaran dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.
- 7.3 Melahirkan pegawai, kakitangan, guru dan penolong guru serta AJKRT yang berwibawa di dalam mengesan isu dan menyelesaikan konflik sosial dengan cekap dan berkesan.
- 7.4 Melahirkan pegawai, kakitangan, guru dan penolong guru yang mempunyai keyakinan tinggi di dalam menjalankan urusan berkaitan dengan jabatan.

8. PELAKSANAAN LATIHAN

Pelaksanaan latihan dijalankan berdasarkan dan mengikut peringkat-peringkat seperti berikut:

8.1 Keperluan Latihan.

8.1.1 Pelaksanaan latihan IKLIN adalah melalui kaedah Analisa Keperluan Latihan (*Training Need Analysis*). Kaedah ini digunakan bagi mengkaji keperluan latihan dalam menentukan objektif dan pendekatan latihan yang berkesan, merangka dan membangunkan latihan yang berkesan seterusnya menilai keberkesanan program latihan yang dijalankan dengan lebih sistematik dan berkesan. Pengumpulan data dan maklumat untuk menggunakan kaedah *Goal Analysis*, *Performance Gap Analysis* dan *Task Analysis*. Keseluruhannya kaedah ini membantu meningkatkan kualiti latihan pegawai dan kakitangan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan dapat menilai program latihan yang dijalankan dengan sistematik dan berkesan di samping mencapai objektif IKLIN iaitu melatih pegawai dan kakitangan jabatan serta pemimpin masyarakat (Rukun Tetangga) yang matang dalam bidang perpaduan dan integrasi nasional.

8.1.2 Institut Kajian Dan Latihan Integrasi Nasional juga memaklumkan kepada pengarah-pengarah bahagian dan negeri melalui Ketua Pengarah JPNIN akan cadangan keperluan latihan diperingkat pegawai dan kakitangan Jabatan, Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga, Guru-guru Tabika Perpaduan dan Ahli Skim Rondaan Sukarela.

8.1.3 Laporan Analisa Keperluan latihan tersebut akan dibentang kepada Jawatankuasa Latihan IKLIN melalui mesyuarat Jawatankuasa Latihan untuk kelulusan dan pelaksanaan

Lampiran A

9. Pelaksanaan Latihan

Kursus-kursus yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Latihan IKLIN meliputi tiga komponen utama iaitu:

(a) Komponen Latihan Kepegawaian

Komponen Latihan Kepegawaian meliputi pegawai dan kakitangan yang berada di dalam semua Skim Perkhidmatan Jabatan Perpaduan Negara dengan memberi penekanan terhadap bidang Pentadbiran, Pengurusan, Komunikasi, Pengurusan Konflik dan Mediasi, Kaunseling, Kepimpinan, Kemahiran dan lain-lain bidang yang sesuai.

(b) Komponen Latihan Guru/Penolong Guru Tabika Perpaduan

Ditumpukan kepada aspek merancang, melaksana, menyelaras dan memantau setiap kursus/latihan yang melibatkan kumpulan Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan di Jabatan ini. Kerjasama dengan MOU dibuat bagi meningkatkan profesionalisma mereka dalam bidang pengajian pra sekolah melalui persijilan, Diploma mahupun Ijazah secara *distance Learning* dan juga secara On-line.

(c) Komponen Latihan AJK Rukun Tetangga

Komponen ini akan melaksanakan fungsi untuk merancang, melaksana, menyelaras serta memantau semua kursus latihan yang berkaitan dengan kumpulan sasaran AJK Rukun Tetangga termasuk cawangan Jiran Muda, Jiran Wanita, Jiran Usia Emas dan ahli Skim Rondaan Sukarela yang akan dilaksanakan di peringkat kebangsaan, zon ataupun negeri mengikut keperluan.

10. Penilaian Latihan.

Penilaian latihan di Bahagian Pembangunan Latihan IKLIN berdasarkan kepada berikut:

(a) Input yang diberikan oleh peserta melalui Borang Penilaian Kursus yang diedarkan semasa kursus. Aspek yang dinilai adalah merangkumi 6 elemen berikut iaitu:

- *Pencapaian Objektif Kursus*

- *Penambahan pengetahuan selepas kursus*
- *Isi Kandungan Kursus*
- *Teknik Latihan*
- *Pengurusan Kursus*
- *Penilaian Penceramah.*

(b) Penilaian fizikal oleh penyelaras kursus terhadap agensi/penceramah/peserta melalui laporan keberkesanan kursus yang dijalankan.

(c) Penilaian sebelum dan selepas program ke atas peserta dilaksanakan meliputi pengetahuan, kemahiran dan sikap melalui penyelia atau pengarah masing-masing bagi tempoh enam (6) bulan.

11. Pemantauan Latihan

(a) Keperluan Latihan Pegawai.

Setiap tahun bahagian sumber manusia JPNIN perlu menyediakan keperluan latihan anggota masing-masing mengikut format tertentu bagi memantau keperluan latihan diperingkat pegawai dan kakitangan JPNIN. Format tersebut diguna bagi tujuan memantau kehadiran kursus tujuh (7) hari setahun.

(b) Buku Log latihan.

Kaedah kedua yang digunakan ialah penggunaan Buku Log Latihan. Melalui kaedah ini kehadiran pegawai dan kakitangan ke program tertentu direkod serta disahkan oleh pegawai dan dikira sebagai kehadiran ke kursus. Cara ini memberi peluang pegawai dan kakitangan yang tidak berkesempatan menghadiri kursus-kursus formal, mencukupkan tempoh berkursus masing-masing.

(c) Laporan Kehadiran Kursus

Peserta-peserta yang telah menghadiri kursus anjuran Bahagian Pembangunan Latihan IKLIN akan didaftarkan dalam buku log latihan.

(d) Mesyuarat Bahagian Pembangunan Latihan

Mesyuarat bahagian akan bertindak bagi memantau pelaksanaan kursus dan kehadiran peserta. Selain itu laporan juga disediakan kepada Jawatankuasa Latihan.

12. PERANCANGAN LATIHAN

Perancangan takwin Bahagian Pembangunan Latihan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional seperti di Lampiran A

10. BAJET LATIHAN.

Sejumlah RM 5,530,310.00 dianggar untuk dibelanjakan bagi menjayakan sebanyak 89 Kursus yang terdiri dari:-

i)	Kursus Unit Kepegawaian	34 Kursus	RM 1,260,000.00
ii)	Kursus Unit Tabika/Taska Perpaduan	19 Kursus	RM 2,435,310.00
iii)	Kursus Unit RT dan NGO	36 Kursus	RM 1,835,000.00

*Bahagian Pembangunan Latihan
Institut Kajian Dan Latihan Integrasi Nasional
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional*
JABATAN PERDANA MENTERI

PERANCANGAN LATIHAN TAHUN 2011

(1) UNIT : KEPEGAWAIAN

BIL.	KOD	NAMA KURSUS/BENKEL	KUMPULAN SASAR	BIL. PESERTA	TARIKH	ANJURAN	ANGGARAN KOS (RM)
A		KURSUS WAJIB PEMBANGUNAN MASYARAKAT					
1	A001	Bengkel Tatacara Penubuhan & Pengurusan RT, SRS & Tabika Perpaduan	Gred S	40	27-30 Mei	IKLIN	40,000.00
2	A002	Kursus Kemahiran Sosial Bil.1	Kump Pengurusan & Profesional	40	26-28 Mei	IKLIN/ISM	40,000.00
3	A003	Kursus Kemahiran Sosial Bil.2	Pegawai Perpaduan Daerah (PPD)	40	13-15 Jun	IKLIN/ISM	40,000.00
4	A004	Kursus Kemahiran Sosial Bil.3	Pegawai yang terlibat	40	16-18 Julai	IKLIN/ISM	40,000.00
5	A005	Kursus Transformasi Pegawai Perpaduan dan Peningkatan Keberkesanan Program Masyarakat Bil.1	Kump Pengurusan & Profesional	40	1-4 April	IKLIN/ KONSULTAN	40,000.00
6	A006	Kursus Transformasi Pegawai Perpaduan dan Peningkatan Keberkesanan Program Masyarakat Bil.2	Pegawai Perpaduan Daerah (PPD)	40	15-18 Julai	IKLIN/ KONSULTAN	40,000.00
7	A007	Kursus Perhubungan Etnik Bil.1	Kump Pengurusan & Profesional dan Pegawai Perpaduan Daerah (PPD)	40	17-18 Okt	IKLIN/KITA	40,000.00
8	A008	Kursus Perhubungan Etnik Bil.2	Gred S17	40	24 - 25 Okt	IKLIN/KITA	40,000.00
B		KOMPETENSI PEMBANGUNAN KENDIRI DAN KERJAYA					
9	B001	Kursus Pembangunan Sahsiah Diri Bil.1	Kump Pengurusan & Profesional	40	23-24 Mac	IKLIN	40,000.00
10	B002	Kursus Pembangunan Sahsiah Diri Bil.2	Kumpulan Sokongan	40	19-21 Mei	IKLIN	40,000.00
11	B003	Kursus Pembangunan Sahsiah Diri Bil.3	Terbuka	40	22-24 Jun	IKLIN	40,000.00

12	B004	Kursus Pengurusan Masa dan Penyelesaian Masalah Bil.1	Pengarah Perpaduan Negeri (PPN) dan Pengarah Bahagian	30	12-14 Sept	IKLIN	40,000.00
13	B005	Kursus Pengurusan Masa dan Penyelesaian Masalah Bil.2	Terbuka	40	23 – 25 Sept	IKLIN	30,000.00
14	B006	Kursus Pengucapan Awam	Kumpulan S	30	25 – 28 Mac	IKLIN	30,000.00
15	B007	Kursus Pengurusan Stres	Terbuka	50	22-24 April	IKLIN	40,000.00
16	B008	Kursus Pemantapan Pemanduan (Lanjutan)	Pemandu dan PAR	30	20-21 April	IKLIN	20,000.00
17	B009	Kursus Protokol dan Etiket Sosial	Terbuka	40	1 – 4 Julai	IKLIN	40,000.00
C		KOMPETENSI ICT					
18	C001	Kursus Tatacara Penggunaan Emel/Internet dan Keselamatan ICT Bil.1	Terbuka	30	9 Mac	IKLIN/CTM	10,000.00
19	C002	Kursus Tatacara Penggunaan Emel/Internet dan Keselamatan ICT Bil.2	Pegawai yang terlibat	30	10 Mac	IKLIN/CTM	10,000.00
D		KOMPETENSI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN					
20	D001	Kursus Transformasi Pasukan Bil.1	Terbuka	40	9-12 Sept	IKLIN	40,000.00
21	D002	Kursus Transformasi Pasukan Bil.2	Pegawai yang terlibat	30	1-4 Okt	IKLIN	30,000.00
22	D003	Bengkel Perancangan dan Pengurusan Projek Pembangunan	Pegawai yang terlibat	40	April	IKLIN	40,000.00
E		KOMPETENSI PENGURUSAN PEJABAT					
23	E001	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod Bil.1	Kump Pengurusan & Profesional dan Sokongan 1	40	1 – 4 April	IKLIN/ARKIB	40,000.00
24	E002	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod Bil.2	Terbuka	40	8 – 11 Jun	IKLIN/ARKIB	40,000.00
25	E003	Bengkel Penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK)	Pegawai yang terlibat	20	30-31 Mac	IKLIN	10,000.00
26	E004	Kursus Penyediaan Dokumen Rasmi Bil.1	Kump Pengurusan & Profesional dan Sokongan 1	40	6-8 Mei	IKLIN	40,000.00
27	E005	Kursus Penyediaan Dokumen Rasmi Bil.2	Terbuka	40	8-10 Julai	IKLIN	40,000.00

F		KOMPETENSI KEWANGAN					
28	F001	Kursus Pengurusan Kewangan Bil.1	Terbuka	30	17 Feb	IKLIN	20,000.00
29	F002	Kursus Pengurusan Kewangan Bil.2	Pengarah Perpaduan Negeri (PPN) dan Pengarah Bahagian	40	8-11 April	IKLIN	50,000.00
30	F003	Kursus Pengurusan Kewangan Bil.3	Pegawai yang terlibat	40	5-8 Jun	IKLIN	40,000.00
31	F004	Kursus Pengurusan Kewangan Bil.4	Pegawai yang terlibat	40	12-15 Jun	IKLIN	40,000.00
G		KURSUS INDUKSI					
32	G001	Kursus Induksi Khusus Kump Sok II	Kump Sokongan II	40	17-21 Okt	IKLIN/JPM	50,000.00
33	G002	Kursus Induksi Umum Kump P&P, Sok I	Kump Pengurusan & Profesional dan Sokongan 1	40	22-29 Sept	IKLIN/JPM	60,000.00
34	G003	Kursus Induksi Umum Kump Sok II	Kump Sokongan II	40	19-26 Sept	IKLIN/JPM	60,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				1280			RM 1,260,000.00

KPI Unit Latihan Kepegawaian:

i. 70% LATIHAN SETIAP KUMPULAN SASARAN

- a) Kumpulan Pengurusan & Profesional
- b) Kumpulan Sokongan I
- c) Kumpulan Sokongan II

ii. Melaksanakan 85% daripada perancangan latihan 2011.

(2) UNIT : RUKUN TETANGGA & NGO

BI L.	NO.	NAMA KURSUS/BENKEL	KUMPULAN SASARAN	BIL. PESERTA	TARIKH	ANJURAN	ANGGARAN KOS (RM)	CATATAN				
KURSUS ASAS RUKUN TETANGGA (RT)												
1	RT001	Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Rukun Tetangga	AJK RT (Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha)	2,500	Sepanjang tahun	IKLIN (dilaksanakan oleh Negeri)	145,000.00	29 kali kursus (RM5000/siri, 100 peserta/siri)				
2	RT002	Kursus Pengendalian Aktiviti Rukun Tetangga	AJK RT (Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha)	1,600	Sepanjang tahun	IKLIN (dilaksanakan oleh Negeri)	80,000.00	16 kali kursus (RM5000/siri, 100 peserta/siri)				
3	RT003	Kursus Kesedaran dan Keselamatan Kawasan Sejiran dan Pengendalian SRS	AJK RT / Ahli SRS	1,600	Sepanjang tahun	IKLIN (dilaksanakan oleh Negeri)	80,000.00	16 kali kursus (RM5000/siri, 100 peserta/siri)				
KURSUS KEMAHIRAN MEDIASI (MD)												
4	MDP01	Kursus Kemahiran Mediasi Komuniti 20 Langkah Batch 2011(Negeri Hotspot) - Tahap 1	Pegawai Perpaduan/ AJK RT	400	11-14 Mac	IKLIN	50,000.00	Hanya melibatkan 4 buah negeri Hot-Spot iaitu Johor, WPKL, Selangor dan Pulau Pinang				
5	MDJ01				18-21 Mac		50,000.00					
6	MDS01				25-28 Mac		50,000.00					
7	MDK01				1-4 Apr		50,000.00					
8	MDP02	Kursus Kemahiran Mediasi Komuniti 20 Langkah Batch 2011(Negeri Hotspot) - Tahap 2			8-11 Apr		50,000.00					
9	MDJ02				15-18 Apr		50,000.00					
10	MDS02				22-25 Apr		50,000.00					
11	MDK02				6-9 Mei		50,000.00					
12	MDP03	Kursus Kemahiran Mediasi Komuniti 20 Langkah Batch 2011(Negeri Hotspot) - Tahap 3			13-16 Mei		50,000.00					
13	MDJ03				20-23 Mei		50,000.00					
14	MDS03				27-30 Mei		50,000.00					
15	MDK03				3-6 Jun		50,000.00					
16	MDP04	Kursus Kemahiran Mediasi Komuniti 20 Langkah Batch 2011(Negeri Hotspot) - Tahap 4			17-20 Jun		50,000.00					
17	MDJ04				24-27 Jun		50,000.00					
18	MDS04				1-4 Julai		50,000.00					
19	MDK04				8-11 Julai		50,000.00					
KURSUS KEMAHIRAN RISIKAN (RS)												

20	RS001	Kursus Pengurusan Keselamatan (Risikan) Tahap II	Pegawai Perpaduan	60	7-10 Mac	IKLIN	50,000.00	} Zon Sem. M'sia
21	RS002			60	21-24 Mac		50,000.00	
22	RS003			60	11-14 Apr		50,000.00	
23	RS004			60	25-28 Apr		50,000.00	
24	RS005			30	9-12 Mei		80,000.00	Zon Srwk/Sbh/Labuan
KURSUS KEMAHIRAN JIRAN MUDA (JM)								
25	JM001	Bengkel Training of Trainers Fasilitator Jiran Muda	Peg. Perpaduan	25	10-12 Jun	IKLIN	20,000.00	} Zon Sem. M'sia
26	JM002			25	17-19 Jun	IKLIN	20,000.00	
27	JM003			25	24-26 Jun	IKLIN	20,000.00	
28	JM004			25	1-3 Julai	IKLIN	20,000.00	
29	JM005			25	8-10 Julai	IKLIN	20,000.00	Zon Srwk/Sbh/Labuan
30	JM006	Bengkel Jiran Muda Tahun 2011	Jiran Muda	120	25-28 Nov	IKLIN	80,000.00	Sarawak
31	JM007	Kursus Asas Kemahiran Kendiri (Penulisan/Kewartawanan/Fotografi)	Jiran Muda	80	14-16 Mac	IKLIN	40,000.00	
32	JM008			80	6-8 Jun		40,000.00	
33	JM009			80	21-23 Nov		40,000.00	
KURSUS KEMAHIRAN JIRAN WANITA								
34	JW001	Kursus Asas Keusahawanan (Jiran Wanita)	Jiran Wanita	100	13-16 Mei	IKLIN	50,000.00	
35	JW002			100	15-18 Jul		50,000.00	
36	JW003			100	9-12 Sept		50,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN				7,155			1,835,000.00	

KPI Unit Rukun Tetangga :

1. Melatih seramai 3000 orang AJK Rukun Tetangga
2. Melatih seramai 200 orang Jiran Wanita
3. Melatih seramai 200 orang Jiran Muda
4. Melaksanakan 90% perancangan tahun 2011

(3) UNIT : TABIKA/TASKA PERPADUAN

BIL	KOD	NAMA KURSUS/BENKEL	KUMPULAN SASAR	BIL. PESERTA	TEMPOH MASA	TARIKH	ANJURAN	ANGGARAN KOS (RM)
KURSUS ASAS GURU								
1	KA001	Kursus Asas Guru & Pen Guru Tabika Perpaduan Bil. 01	Guru & Pen Guru Tabika	70	7hari	24 – 30 Mac	IKLIN	70,000.00
2	KA002	Kursus Asas Guru & Pen Guru Tabika Perpaduan Bil. 02	Guru & Pen Guru Tabika	70	7hari	Jun	IKLIN	70,000.00
3	KA003	Kursus Asas Pendidikan Awal Kanak-Kanak Untuk Pendidik & Pembantu Permata Perpaduan	Pendidik/Pembantu Taska	50	6hari	April	IKLIN	50,000.00
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN								
4	MI001	Kursus Meningkatkan Kecerdasan Pelbagai (Multiple Intelligences) Kanak-Kanak Bil.01	Guru Tabika	102	4hari	15 – 18 April	IKLIN	70,000.00
5	MI002	Kursus Meningkatkan Kecerdasan Pelbagai (Multiple Intelligences) Kanak-Kanak Bil.02	Guru Tabika	102	4hari	24 – 28 Jun	IKLIN	70,000.00
6	MI003	Kursus Meningkatkan Kecerdasan Pelbagai (Multiple Intelligences) Kanak-Kanak Bil.03	Guru Tabika	102	4hari	30 Sept-3 Okt	IKLIN	70,000.00
PENGURUSAN KELAS TABIKA								
7	P001	Kursus Pengurusan Kelas dan Pengendalian Aktiviti Tabika Perpaduan Bil 01	Guru Tabika	51	4hari	Jun	IKLIN	50,000.00
8	P002	Kursus Pengurusan Kelas dan Pengendalian Aktiviti Tabika Perpaduan Bil. 02	Guru Tabika	51	4hari	Sept	IKLIN	50,000.00
PENGURUSAN KESELAMATAN MAKANAN								
9	KM001	Kursus Pengurusan Keselamatan Makanan Selaras Dengan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 Dan Pemakanan Berkhasiat Bil.01	Pen Guru Tabika dan Pembantu Pendidik Taska	102	4hari	29 Mac – 1 April	IKLIN	70,000.00

10	KM002	Kursus Pengurusan Keselamatan Makanan Selaras Dengan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 Dan Pemakanan Berkhasiat Bil.02	Pen Guru Tabika dan Pembantu Pendidik Taska	102	4hari	Julai	IKLIN	70,000.00
11	KM003	Kursus Pengurusan Keselamatan Makanan Selaras Dengan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 Dan Pemakanan Berkhasiat Bil.03	Pen Guru Tabika dan Pembantu Pendidik Taska	102	4hari	Okt	IKLIN	70,000.00
PEMBANGUNAN KENDIRI DAN KERJAYA								
12	BKC01	Kursus Budaya Kerja Cemerlang dan Pembangunan Sahsia Diri	Guru Tabika	50	4hari	Sept	IKLIN / KONSULTAN	70,000.00
PROGRAM KDPM-KDC								
13	KDC00 1	Taklimat Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM-KDC) Ambilan Nov 2011	Guru Tabika	400	3hari	Okt	IKLIN	70,000.00
JUMLAH KECIL								750,000.00
PROGRAM KDPM-KDC (PERUNTUKAN PK)								
14	KDC00 2	Kursus Diploma Perguruan Malaysia KDPM-KDC Ambilan Nov 2011 (sekurang-kurangnya 3 Kredit SPM- Kelonggaran Syarat)	Guru Tabika	400	Cuti Sekolah	Nov	JPNIN/IPGM (tanpa mengira kos TNT & Elaun Makan)	1,004,000.00
15	KDC00 3	Kursus Diploma Perguruan Malaysia KDPM-KDC Ambilan Mei 2008/2009/2010 (SPM 5 KREDIT) - Pelatih sediaada	Guru Tabika	230	Cuti Sekolah	Jun/Sept/ Nov	JPNIN/IPGM (tanpa mengira kos TNT & Elaun Makan)	491,310.00
PROGRAM KERJASAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM & AGENSI LAIN (PERUNTUKAN PK)								
16	UPM00 1	Kursus Pendidik Permata Perpaduan (UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA)	Pendidik/Pem Taska Permata	50	2 minggu	Jun	UPM	100,000.00
17	KPM00 1	Program Latihan Guru Prasekolah JPNIN anjuran BPG, KPM	Guru Tabika	50	3 minggu	Okt	JPNIN/IPGM (TNT & Peralatan P&P)	30,000.00

18	KPM00 2	Program Latihan Guru Prasekolah JPNIN anjaran BPG, KPM	Guru Tabika	50	3 minggu	Okt	JPNIN/IPGM (TNT & Peralatan P&P)	30,000.00
19	KPM00 3	Program Latihan Guru Prasekolah JPNIN anjaran BPG, KPM	Guru Tabika	50	3 minggu	Okt	JPNIN/IPGM (TNT & Peralatan P&P)	30,000.00
JUMLAH KECIL								1,685,310.00
JUMLAH KESELURUHAN				2,184				2,435,310.00

KPI Unit Latihan Tabika Perpaduan :

1. Pengambilan KDPM-KDC Ambilan 2011 - minima 200 guru tabika
(Kelayakan sekurang-kurangnya 3 kredit dalam SPM - kelonggaran syarat).
2. Melaksanakan 85% perancangan kalender tahun 2011

